

# PM ke-9 berdepan cabaran politik, pandemik menuju PRU-15

Berita Harian 16/08/2021 MS

Oleh Dr Muhamad Nadzri  
Mohamed Noor  
bhrencana@bh.com.my



Ketua Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Pengunduran** Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Kabinetnya, kelmarin, ialah penerusan tidak berkesudahan daripada pergelutan politik lewat Februari tahun lalu. Kini, ramai tertanya-tanya siapakah pengganti Muhyiddin nanti.

Dalam kalangan orang lama, ramai menggemari Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana bagi mereka, kedua-dua pemimpin ini bukan sahaja berketokohan, bahkan pernah bekerjasama dengan kedua-dua paksi po-

masa sama menyebabkan fokus pemerintahan sebelum ini teralih kepada survival politik berbanding soal governans yang mendasar khasnya dalam menangani implikasi dibawa pandemik COVID-19.

Pun begitu, dengan pecahan politik semakin tinggi kini, mana-mana pihak dijangka sukar untuk mendapat majoriti selesa. Hal ini akan menyukarkan pemerintahan dan sangat tidak sesuai dengan situasi pandemik ketika ini.

Pandemik ini juga membongkarkan kekurangan dalam amalan politik kita, iaitu pertama, politik berasaskan permusuhan. Berbanding sistem politik di negara demokrasi maju, lawan politik tidak dianggap sebagai musuh, sebaliknya pesaing secara profesional.

Tidak seperti amalan di negara membangun, pembangkang tidak diberi layanan berbeza, sebaliknya dianggap sebagai kerajaan pada masa hadapan. Meskipun kerajaan sudah bertukar ganti di

dijangka dapat majoriti selesa dalam masa terdekat, kerjasama rentas paksi atau parti adalah jalan ke hadapan untuk kita.

Kerjasama ini boleh diasaskan dengan Perjanjian Keyakinan dan Bekalan (CSA) baharu antara parti penyandang dengan pembangkang dengan semangat moratorium (gencatan) politik.

Hal ini boleh membawa kepada situasi menang-menang berbanding amalan *winners take all* atau *zero-sum game* tadi – di mana sokongan diberikan kepada kerajaan untuk memerintah dengan mandat tinggi, dalam masa sama beberapa agenda dituntut parti pembangkang ataupun minoriti turut dipenuhi.

Justeru, bukan sahaja pembangkang tidak dihukum atau didiskriminasi parti penyandang, tetapi sebaliknya mendapat kemudahan hampir sama dengan perwakilan rakyat parti pemerintah.

Hal ini menguntungkan rakyat dan boleh me-

litik di negara ini.

Pelantikan mereka difikirkan boleh menyatupadukan kumpulan politik yang bersaing kini.

Golongan muda pula, ramai yang sudah muak dengan pemimpin lama kerana mereka mahukan pembaharuan dan idea baharu kenegaraan, khususnya daripada pemimpin muda.

Namun, urusan pemilihan Perdana Menteri ini bukan keputusan peribadi, sebaliknya soal Perlembagaan. Perkara 43(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong untuk melantik mana-mana ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mempunyai kepercayaan majoriti dalam kalangan ahli Dewan.

Justeru, Yang di-Pertuan Agong dan kita semua terikat dengan asas perundangan ini. Dalam konteks ini, meskipun banyak calon dan pecahan kumpulan politik, hanya terdapat dua kumpulan dilihat mempunyai sokongan tertinggi, iaitu kumpulan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub dengan Perikatan Nasional (PN) yang mempunyai lebih kurang 100 kerusi kini dan kumpulan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Pakatan Harapan (PH) dengan hampir 90 kerusi.

Pada hemat sama, mana-mana calon daripada dua kumpulan politik terbesar ini yang boleh mendapat sokongan terbanyak daripada kumpulan minoriti, iaitu daripada kumpulan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (15 Ahli Parlimen UMNO yang menyokongnya); Dr Mahathir (Parti Pejuang Tanah Air/PEJUANG) dan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Parti Warisan Sabah/WARISAN) akan atau sepatutnya dilantik sebagai PM ke-9.

Kedua-dua kumpulan terbesar ini mempunyai peluang seimbang. Kesenambungan dengan perubahan reaktif jika Ismail Sabri/PN dipilih dan perubahan evolusif dijangka berlaku jika Anwar/PH diberi peluang.

Apapun, proses pemilihan haruslah disahkan di Dewan Rakyat secara telus dan terbuka, sama ada selepas pelantikan Istana atau sebelumnya. Ini kerana soal legitimasi kerajaan, iaitu mandat untuk memerintah, perlulah jelas dan boleh diterima semua ahli Dewan Rakyat.

Soal ini membelenggu politik negara kita sejak Mac tahun lalu. Ia bukan sahaja menyebabkan badan Parlimen pernah diketepikan, tetapi dalam

dapan. Meskipun kerajaan sudah bertukar ganti di negara ini sejak 2018, paradigma melihat lawan politik sebagai musuh itu masih tegar dalam kalangan kita. Pemikiran ini perlu diperbetulkan.

Kedua, konsep 'yang menang dapat semua dan yang kalah hilang semua' (*winners take all*) juga perlu diketepikan. Kuasa adalah amanah rakyat dan negara yang sementara sifatnya, bukan 'ghanimah' peribadi untuk yang berkuasa.

Justeru, pemerintah perlu mengamalkan keangnan kuasa dengan penuh integriti dengan melaksanakan pemerintahan untuk kenegaraan, berbanding kepartian, melalui asas penting negara khususnya Perlembagaan dan Rukun Negara.

Undang-undang (dan prosesnya) perlu didaulatkan dalam semua perkara untuk kepentingan semua, bukan diperalat untuk mendapat atau mempertahankan kepada mereka diamanahkan untuk memerintah dari semasa ke semasa.

Konsep songsang ini menyebabkan sesiapa berada di pihak pembangkang dilemahkan atau diperkasakan apabila dalam kerajaan. Inilah antara punca menyebabkan berlaku lompat parti selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan Februari tahun lalu.

Meskipun pandemik dan perpecahan politik membuka mata semua mengenai kekurangan amalan politik kita, ia juga membawa optimisme sebenarnya. Disebabkan tidak ada mana-mana paksi

Hal ini mengurangkan rakyat dan boleh mengubah politik kita daripada bersifat permusuhan kepada permuafakatan. Dalam permuafakatan ini juga semangat mentadbir bersama (*co-governance*) dapat dilakukan dengan pengemblengan seluruh tenaga dan idea dalam membawa negara keluar daripada pandemik ini sebagai ketumbukan tersusun dan menyeluruh melalui Parlimen ataupun hubungan federalisme.

Sementara menunggu Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) yang masih berbaki hampir dua tahun, paksi politik masing-masing boleh memperkukuhkan pakatan politik mereka, sebagai parti penyandang berkaliber dan pembangkang tersusun, berasaskan idealisme, program serta polisi berbeza untuk dipersembahkan secara matang dan kompetitif kepada pengundi dalam PRU akan datang nanti.

Sesiapa pun yang menjadi PM ke-9 ini nanti, kedudukannya masih tidak mudah, sebaliknya penuh mencabar. Kemampuannya dalam menangani pandemik COVID-19, khususnya implikasi wabak itu kepada rakyat dan negara, akan mempengaruhi kedudukannya nanti, sama ada dipilih semula atau ditolak pengundi.

Begitu juga mana-mana pihak pembangkang nanti, moratorium politik akan membolehkan mereka untuk menyusun pakatannya dengan lebih sepadu, sekali gus meningkatkan untuk menjadi kerajaan baharu pada masa hadapan.

